e-ISSN: 2600-9617

Available online at
https://journal.uitm.edu.my/ojs/index.php/e-JITU/index

E-Journal of Islamic Thought & Understanding 9(2) 2026, 167-185

E-Journal of Islamic Thought & Understanding (E-JITU)

Revisiting the Concept of Human Fitrah in the Qur'an: A Philosophical and Psychological Inquiry

Meninjau Semula Konsep Fitrah Manusia dalam Al-Quran: Suatu Penelitian Falsafah dan Psikologi

Abdul Rahman[1], Madihah Mohd Zain[2], Siti Anisa Mohd Anuar[3], Wan Asrul Affendi Wan Hussin[4] & Wan Hakimy Putra Wan Asrul Affendi[5]

[1,2,3,4,5]*Faculty of Islamic Studies, Universitas Islam Sumatera Utara, Medan, Indonesia*

ARTICLE INFO

Article history:
Received 2026-07-12
Revised 2026-09-11
Accepted 2026-09-25
Published 2026-10-19

ABSTRACT

The concept of fitrah is fundamental to understanding the nature of human beings according to the Qur'an. However, the failure to comprehensively integrate revealed, philosophical, and psychological perspectives is considered to contribute to the growing identity crisis and declining mental well-being in modern society. Most previous studies have discussed fitrah separately within specific disciplinary perspectives,

*Corresponding author. *E-mail address* : abdul_rahman@fai.uisu.ac.id.

https://doi.org/10.24191/e77zsq24

©Authors, 2026

Keywords:
Fitrah,
al-Quran,
Falsafah Islam,
Psikologi Islam,
Hakikat Manusia,
Pembangunan Insan.

DOI:

https://doi.org/10.24191/e77zsq24

thereby leaving a gap in efforts to develop an integrated framework capable of explaining the relationship between revelation, reason, and human experience. Accordingly, this study aims to reassess the concept of human fitrah in the Qur'an through philosophical and psychological approaches by examining its ontological foundations, the factors influencing its development, and its potential contribution as an integrated framework for contemporary Islamic psychology. This study employs a qualitative library research approach, with five classical Qur'anic exegeses serving as primary data sources and 25 journal articles published between 2015 and 2026 purposively selected as secondary data to strengthen the academic credibility of the findings. The data were analysed using thematic analysis. The findings suggest that fitrah refers to the innate human disposition towards monotheism, truth, and moral goodness, which has the potential to function as an integrative agent connecting revelation, reason, and human experience in understanding human nature holistically. Unlike previous integrative studies that have tended to be descriptive, this study contributes specifically by explicitly linking the ontological foundations of fitrah derived from classical Qur'anic exegesis with philosophical reasoning and contemporary psychological theories, thereby establishing a more detailed conceptual basis for synthesising an integrated framework. This study proposes that the conceptual model of fitrah should subsequently be translated into practical clinical measurement instruments or psychotherapeutic intervention modules, particularly to address issues of identity and psychological well-being in contemporary society.

ABSTRAK

Konsep fitrah merupakan asas penting dalam memahami hakikat manusia menurut al-Quran, namun kegagalan mengintegrasikan perspektif wahyu, falsafah dan psikologi secara menyeluruh dilihat turut menyumbang kepada krisis identiti dan kemerosotan kesejahteraan mental yang semakin ketara dalam masyarakat moden. Kebanyakan kajian terdahulu membincangkan fitrah secara berasingan mengikut

 ©Authors, 2026

disiplin tertentu, sekali gus meninggalkan jurang dalam usaha membina kerangka bersepadu yang mampu menjelaskan hubungan antara wahyu, akal dan pengalaman manusia. Justeru, kajian ini bertujuan menilai semula konsep fitrah manusia dalam al-Quran melalui pendekatan falsafah dan psikologi, dengan meneliti asas ontologinya, faktor yang mempengaruhi perkembangannya, serta sumbangannya sebagai kerangka bersepadu bagi psikologi Islam kontemporari. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian perpustakaan, dengan lima kitab tafsir klasik dijadikan sumber data primer dan 25 artikel jurnal terbitan 2015 hingga 2026 dipilih melalui persampelan bertujuan sebagai data sekunder bagi memperkukuh kredibiliti akademik dapatan. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Dapatan kajian mencadangkan bahawa fitrah merujuk kepada kecenderungan semula jadi manusia terhadap tauhid, kebenaran dan nilai moral yang baik, yang berpotensi berfungsi sebagai ejen integrasi yang menghubungkan wahyu, akal dan pengalaman dalam memahami hakikat manusia secara utuh. Berbanding kajian integratif terdahulu yang lebih bersifat deskriptif, kajian ini menyumbang secara khusus dengan mengaitkan asas ontologi fitrah daripada tafsir klasik dengan penaakulan falsafah dan teori psikologi kontemporari secara eksplisit, lantas membentuk asas konseptual yang lebih terperinci bagi sintesis kerangka bersepadu. Kajian ini mencadangkan agar model konseptual fitrah ini seterusnya diterjemahkan kepada instrumen pengukuran klinikal atau modul intervensi psikoterapi yang praktikal, khususnya bagi menangani isu identiti dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan masyarakat kontemporari.

1. PENDAHULUAN

Krisis kesihatan mental, persoalan identiti, tekanan emosi dan kemerosotan nilai moral merupakan antara cabaran penting dalam masyarakat kontemporari. Perkembangan teknologi digital, globalisasi dan pengaruh media sosial turut menjadikan persoalan tentang hakikat dan sifat asal manusia semakin relevan untuk diteliti semula, kerana ia berkait dengan cara manusia memahami dirinya, membentuk nilai dan mengembangkan keperibadian (Firdaus et al., 2025). Dalam konteks ini, persoalan asas yang perlu diberi perhatian ialah sama ada manusia mempunyai kecenderungan semula jadi kepada kebaikan, keburukan atau berada dalam keadaan neutral sejak awal kejadiannya.

Dalam Islam, persoalan tersebut berkait rapat dengan konsep fitrah. Fitrah merujuk kepada keadaan semula jadi yang dianugerahkan Allah SWT kepada manusia sejak awal kejadiannya, yang merujuk kepada kecenderungan mengenal Tuhan, menerima kebenaran dan melakukan kebaikan. Asas ini dinyatakan dalam firman Allah SWT :

"*Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama (Islam); (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada ciptaan Allah*" (Surah al-Rūm, 30:30).

https://doi.org/10.24191/e77zsq24 ©Authors, 2026

Prinsip yang sama turut disokong oleh hadis Rasulullah SAW bahawa setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah, sebelum dipengaruhi oleh persekitaran keluarganya (Riwayat al-Bukhari, no. 1385). Kedua-dua sumber ini mencerminkan bahawa manusia mempunyai keadaan asal yang suci dan berpotensi kepada kebaikan, namun perkembangan potensi tersebut dipengaruhi oleh pendidikan, keluarga, budaya dan persekitaran (Al Munzir & Ismail, 2025).

Perbahasan tentang fitrah kemudiannya dikembangkan dalam tradisi keilmuan Islam. Al-Ghazali menegaskan bahawa manusia mempunyai potensi rohani yang suci, tetapi potensi tersebut perlu dipelihara melalui penyucian jiwa (tazkiyah al-nafs) dan pendidikan akhlak (Al-Ghazali, 2019). Ibn Kathir pula menjelaskan fitrah dalam hubungannya dengan tauhid dan kecenderungan semula jadi manusia kepada Islam, yang dapat dipengaruhi oleh faktor luaran seperti didikan dan persekitaran (Ibn Kathir, 2000).

Persoalan tentang sifat asal manusia turut menjadi tema utama dalam falsafah Barat. Plato menekankan peranan akal rasional, Aristotle melihat manusia sebagai makhluk rasional yang membentuk keutamaan moral melalui rutin kebiasaan, Locke menekankan pengalaman dan persekitaran, sementara Rousseau memberikan penekanan yang lebih besar terhadap kecenderungan semula jadi manusia (Altuner & Özkan, 2024; Huong et al., 2025).

Dalam psikologi moden pula, Skinner menekankan pembelajaran melalui persekitaran dan pengukuhan, Freud memberi perhatian kepada dorongan bawah sedar, Jung kepada struktur dan perkembangan psikik, manakala Maslow dan Rogers menekankan perkembangan serta aktualisasi potensi manusia (Maslow, 1954; Mawaddah et al., 2024; Sarnoto, 2026).

Berbeza daripada pendekatan yang cenderung memisahkan dimensi tertentu, psikologi Islam melihat manusia secara lebih bersepadu dengan menghubungkan aspek fizikal, kognitif, emosi dan spiritual, sehingga fitrah turut berkait dengan hubungan manusia dengan Pencipta serta pembentukan personaliti (Al Afify, 2018). Perspektif ini turut disokong oleh Arroisi et al. (2021), sekali gus menjadikan konsep fitrah berpotensi sebagai titik temu antara perbahasan wahyu, falsafah manusia dan psikologi.

Walaupun kajian mengenai fitrah telah berkembang, sebahagian besar kajian terdahulu masih membincangkannya secara terpisah, khususnya dalam bidang tafsir, pendidikan Islam dan psikologi Islam, manakala teori Barat seperti Locke, Rousseau, Maslow dan Rogers sering digunakan sekadar sebagai perbandingan tambahan tanpa analisis terhadap persamaan dan perbezaan andaian asas antara kedua-dua kerangka (Arif, 2023; Mawaddah et al., 2024).

Jika jurang ini dibiarkan, komuniti psikologi Islam berisiko terus bergantung kepada kerangka sekular Barat yang tidak mempunyai dimensi spiritual, sekali gus mengehadkan keberkesanan pendekatan intervensi klinikal dan kaunseling berasaskan nilai keagamaan.

Beberapa kajian terkini telah mula mengarah kepada integrasi, misalnya Baehaqi dan Fahmi (2025) yang menghubungkan konsep nafs dengan psikologi moden, dan Sarnoto (2026) yang membandingkan fitrah dengan teori perkembangan psikologi melalui model Fitrah-Centered Development. Namun, usaha tersebut masih bersifat konseptual dan tidak menggabungkan dimensi tafsir, falsafah manusia dan psikologi dalam satu analisis perbandingan. Justeru, lompong kajian ini bukanlah ketiadaan kajian integratif secara mutlak, tetapi keterbatasan kerangka yang menghubungkan ketiga-tiga disiplin tersebut secara sistematik dalam memahami konsep fitrah manusia.

https://doi.org/10.24191/e77zsq24 ©Authors, 2026

Bertitik tolak daripada jurang tersebut, kajian ini menawarkan pendekatan integratif tiga hala yang menghubungkan konsep fitrah menurut al-Quran dan tafsiran ulama terpilih dengan perbahasan falsafah manusia serta psikologi moden. Kebaharuan kajian terletak pada penggunaan analisis perbandingan yang menilai persamaan dan perbezaan andaian asas ketiga-tiga bidang dalam satu kerangka, sekali gus memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang fitrah dan kaitannya dengan pembentukan manusia kontemporari.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk: (i) mensintesis konsep fitrah manusia menurut al-Quran dan tafsiran ulama klasik terpilih; (ii) menganalisis konsep tersebut daripada perspektif falsafah dan psikologi; (iii) mengenal pasti faktor yang mempengaruhi perkembangan fitrah manusia; dan (iv) mengonseptualisasikan kerelevanan fitrah dalam menjelaskan identiti, moraliti dan kesejahteraan psikologi manusia kontemporari. Skop falsafah dihadkan kepada Plato, Aristotle, Locke dan Rousseau, manakala skop psikologi melibatkan Skinner, Freud, Jung, Maslow, Rogers dan Frankl. Pembatasan ini membolehkan analisis kekal terarah kepada persoalan utama tanpa berkembang terlalu luas. Secara keseluruhannya, kajian ini berusaha meletakkan fitrah sebagai kerangka asas untuk memahami sifat manusia secara lebih komprehensif melalui hubungan antara wahyu, falsafah dan psikologi.

2. SOROTAN LITERATUR

2.1 Fitrah dalam Al-Quran

Konsep fitrah dalam al-Quran menunjukkan bahawa manusia diciptakan dengan suatu orientasi asal yang selaras dengan agama Allah. Asas ini dinyatakan secara jelas dalam Surah al-Rum (30:30):

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا ۚ فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا ۚ لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: *"Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama Allah; (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada ciptaan Allah. (Itulah) agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."* (Surah al-Rum, 30:30)

Struktur ayat ini meletakkan fitrah dalam hubungan langsung antara penciptaan manusia, agama yang benar dan ketundukan kepada Allah**.** Oleh itu, fitrah tidak sekadar merujuk kepada sifat semula jadi manusia secara umum, tetapi menunjuk kepada orientasi asal yang menjadikan manusia mempunyai kesediaan untuk menerima kebenaran Ilahi. Kesatuan asas ini dapat dilihat merentasi tafsiran Al-Tabari, Ibn Kathir dan Al-Qurtubi, walaupun mereka menggunakan penekanan yang berbeza. Apabila Al-Tabari menghubungkan fitrah dengan Islam, sementara Ibn Kathir dan Al-Qurtubi menekankannya sebagai kecenderungan kepada tauhid, perbezaan tersebut lebih tepat difahami sebagai perbezaan pada aras penghuraian, bukan pertentangan makna, dan secara bersama mencadangkan bahawa tauhid merupakan teras kepada konsep fitrah (Al-Tabari, 1994; Ibn Kathir, 2000; Al-Qurtubi, 2006).

Implikasinya, fitrah perlu difahami sebagai orientasi asal manusia, bukan sebagai pengetahuan agama yang lengkap atau jaminan bahawa seseorang akan sentiasa berada pada jalan tauhid. Perbezaan ini penting kerana manusia boleh mengalami perubahan dalam kehidupan, sedangkan asas penciptaannya tetap merujuk kepada fitrah yang disebut dalam al-Quran. Justeru, pengertian fitrah mengandungi dua unsur yang saling berkaitan, iaitu suatu keadaan asal yang diberikan melalui penciptaan, dan kecenderungan yang mengarahkan manusia kepada agama Allah. Ini menjelaskan mengapa fitrah dalam tafsir turut dikaitkan dengan hakikat manusia itu sendiri, bukan sekadar maksud keagamaan.

https://doi.org/10.24191/e77zsq24 ©Authors, 2026

Keluasan tersebut semakin jelas apabila pandangan Ibn ‘Ashur dibaca bersama tafsiran terdahulu. Penekanannya terhadap fitrah sebagai sifat semula jadi yang dikongsi oleh seluruh manusia mencadangkan bahawa orientasi kepada agama tidak terpisah daripada struktur asas kemanusiaan (Ibn 'Ashur, 1984). Dengan demikian, perkembangan tafsir daripada penekanan terhadap Islam dan tauhid kepada sifat manusia yang lebih universal tidak semestinya membawa perubahan makna, tetapi memperluaskan implikasi konsep yang sama. Fitrah mempunyai teras teologis dalam tauhid, tetapi teras tersebut berada dalam suatu sifat asal manusia yang bersifat universal. Atas dasar ini, fitrah turut mempunyai implikasi terhadap kehidupan rohani, moral dan kemanusiaan, termasuk perhatian terhadap pemeliharaannya dalam kerangka maqasid al-syariah (Wani, 2017).

Sintesis kajian tafsir mawdhu‘i semasa mengukuhkan lagi struktur tersebut. Al Munzir dan Ismail (2025) serta Ruslan dan Latif (2025) memperlihatkan hubungan konsisten antara fitrah, tauhid dan kesediaan manusia menerima kebenaran, manakala Septemiarti (2023) memperluaskan ruang analisis dengan mengemukakan dimensi jasmaniyyah, ruhaniyyah dan nafsiyyah. Jika digabungkan, dapatan ini mencadangkan bahawa fitrah bukan suatu ciri yang berdiri sendiri, tetapi merupakan asas yang merentas beberapa dimensi kewujudan manusia. Oleh itu, jasad, ruh dan nafs dapat dilihat sebagai ruang manifestasi fitrah, sementara tauhid memberikan orientasi asas kepada keseluruhan kecenderungan tersebut.

Berdasarkan keseluruhan tafsiran tersebut, fitrah dapat dirumuskan sebagai orientasi asal yang bersumber daripada penciptaan Allah, berteraskan tauhid dan tertanam dalam struktur kewujudan manusia, yang kemudiannya merangkumi dimensi rohani, diri dan jasmani**.** Ini menjelaskan mengapa persoalan tentang fitrah tidak boleh berhenti pada persoalan "apakah fitrah" (Purnama et al., 2020), tetapi perlu bergerak kepada persoalan "di mana dan bagaimana fitrah berfungsi dalam diri manusia".

2.2 Fitrah dalam Kerangka Falsafah Islam dan Perbandingan dengan Falsafah Barat

Dalam kerangka falsafah Islam, fitrah berfungsi sebagai asas untuk memahami manusia sebagai makhluk yang mempunyai kecenderungan, potensi dan arah perkembangan yang berhubung secara langsung dengan tujuan penciptaannya. Hal ini menjadikan persoalan tentang hakikat manusia tidak dapat dipisahkan daripada persoalan tentang Tuhan, tujuan hidup dan kesempurnaan manusia. Tujuan manusia sebagai hamba dan khalifah sebagaimana dihuraikan Amrona et al. (2023), bersama penekanan al-Ghazali terhadap pengembangan akal, pembentukan akhlak dan dimensi rohani, mencadangkan bahawa potensi manusia dalam Islam bukan sekadar kapasiti yang menunggu untuk direalisasikan, tetapi potensi yang mempunyai orientasi normatif. Dengan kata lain, manusia bukan sahaja mempunyai kemampuan untuk berkembang, tetapi mempunyai arah tertentu yang menentukan apakah bentuk perkembangan yang dianggap baik dan sempurna.

Pada tahap ini, terdapat titik temu dengan perbincangan *human nature* dalam falsafah Barat, khususnya apabila manusia difahami sebagai makhluk yang memiliki potensi dan perlu membentuk dirinya melalui kehidupan yang baik. Plato dan Aristotle, misalnya, memperlihatkan hubungan antara kapasiti manusia, akal, virtue dan pembentukan kehidupan yang baik, manakala perdebatan Locke dan Rousseau mencerminkan bahawa pemahaman tentang manusia turut melibatkan hubungan antara kecenderungan asal dengan pengalaman dan persekitaran (Altuner & Özkan, 2024).

https://doi.org/10.24191/e77zsq24 ©Authors, 2026

Jika dibaca secara mendalam lagi, perbezaan antara pendekatan tersebut sebenarnya memperlihatkan satu persoalan bersama: sejauh mana manusia dibentuk oleh sesuatu yang mendahului pengalaman, dan sejauh mana dirinya terbentuk melalui pengalaman serta lingkungan. Namun, persoalan yang sama tidak menghasilkan konsep manusia yang sama kerana premis yang digunakan untuk menentukan makna dan arah perkembangan manusia berbeza.

Perbezaan paling asas terletak pada status ontologi dan epistemologi manusia. Dalam kerangka Islam, kecenderungan manusia tidak bermula daripada pengalaman semata-mata, tetapi berakar pada penciptaan Allah; sementara makna, tujuan dan ukuran perkembangannya tidak ditentukan sepenuhnya oleh manusia, tetapi dibimbing oleh wahyu. Akal dan pengalaman tetap berfungsi sebagai instrumen memahami realiti, namun kedua-duanya tidak berdiri sebagai sumber autonomi yang menentukan keseluruhan hakikat manusia. Sebaliknya, dalam kerangka falsafah Barat yang dibandingkan di sini, manusia lebih banyak difahami melalui kapasiti rasional, pengalaman, pembentukan karakter dan pengaruh persekitaran. Perbezaan ini menjadikan persoalan utama bukan sekadar sama ada manusia mempunyai sifat semula jadi, tetapi siapakah yang menentukan makna sifat tersebut dan berdasarkan sumber pengetahuan yang manakah ia ditafsirkan**.**

Atas dasar itu, kritikan terhadap evolusionisme dan positivisme yang dihuraikan Risallah dan Denisova (2019) menjadi signifikan. Persoalan ini turut dihuraikan secara langsung oleh Al-Attas (1995), yang menegaskan bahawa pandangan alam Islam meletakkan makna dan kebenaran dalam hubungannya dengan wahyu dan konsep Tuhan, bukan semata-mata melalui pemerhatian empirikal terhadap alam fizikal. Penjelasan tentang manusia melalui proses biologi, pemerhatian dan bukti empirikal dapat menerangkan aspek tertentu tentang kewujudan manusia, tetapi tidak dengan sendirinya menentukan tujuan kewujudan tersebut. Di sinilah kerangka Islam memperluas persoalan *human nature*: sifat manusia tidak hanya ditanyakan dari sudut asal-usul atau mekanisme pembentukannya, tetapi juga dari sudut hubungan manusia dengan Pencipta, tanggungjawab moral dan tujuan akhir. Al Ghofiqi (2025) memperlihatkan keluasan ini melalui penekanan terhadap perkembangan intelektual, emosi dan spiritual secara bersepadu.

Oleh itu, persamaan antara fitrah dan *human nature* Barat hanya wujud pada aras tertentu, khususnya dalam pengiktirafan terhadap potensi, kecenderungan dan proses pembentukan manusia. Pada aras yang lebih mendasar, kedua-duanya tidak boleh disamakan kerana fitrah mengandungi tuntutan ontologi, epistemologi dan normatif yang berakar pada tauhid. Jika *human nature* digunakan sebagai padanan langsung, dimensi penciptaan, wahyu dan tujuan akhir manusia berisiko terpisah daripada konsep tersebut. Justeru, perbandingan dengan falsafah Barat bukan bertujuan mencari padanan istilah, tetapi memperlihatkan bahawa keunikan fitrah terletak pada kesatuan antara hakikat manusia, sumber pengetahuan, orientasi moral dan tujuan penciptaannya**.**

2.3 Fitrah dalam Kerangka Psikologi Islam dan Psikologi Moden

Perbandingan antara psikologi Islam dan psikologi moden mencerminkan bahawa kedua-duanya mengiktiraf manusia sebagai makhluk yang memiliki kecenderungan, potensi dan keupayaan untuk berkembang, tetapi berbeza dari segi asas dalam mentafsir sumber, struktur dan arah perkembangan tersebut. Dalam psikologi moden, penjelasan tentang manusia bergerak daripada penekanan terhadap pengaruh persekitaran dan tingkah laku, seperti dalam behaviorisme Skinner, kepada perhatian terhadap dorongan bawah sedar Freud serta potensi, perkembangan diri dan pencarian makna yang lebih ketara dalam pemikiran Jung, Maslow, Rogers dan Frankl.

https://doi.org/10.24191/e77zsq24 ©Authors, 2026

Kepelbagaian ini mencerminkan bahawa psikologi moden tidak menawarkan satu konsepsi tunggal tentang manusia, namun terdapat titik pertemuan dengan konsep fitrah dari sudut pengiktirafan terhadap kecenderungan semula jadi dan potensi manusia (Bhat, 2016).

Walau bagaimanapun, titik pertemuan tersebut tidak bermaksud bahawa fitrah boleh disamakan dengan mana-mana konstruk psikologi moden. Jika perspektif behaviorisme menjelaskan tingkah laku melalui pembelajaran dan persekitaran, manakala pendekatan psikoanalitik menekankan dinamika dorongan bawah sedar, pendekatan humanistik dan eksistensial pula memberikan ruang yang lebih besar kepada potensi, perkembangan dan makna. Perbezaan antara pendekatan-pendekatan ini sendiri mencerminkan bahawa psikologi moden banyak beroperasi pada tahap proses psikologi, iaitu bagaimana manusia berfikir, merasa, bertindak dan berkembang. Sebaliknya, konsep fitrah beroperasi pada tahap yang lebih asas dengan menghubungkan kecenderungan manusia kepada asal penciptaan dan tujuan kewujudannya. Oleh itu, persamaan antara fitrah dengan konsep seperti self-actualization (Maslow, 1954), actualizing tendency, collective unconscious atau will to meaning (Frankl, 1959) lebih tepat difahami sebagai persilangan fungsi atau tema, bukannya kesetaraan konsep (Bhat, 2016).

Perbezaan tersebut menjadi lebih bermakna apabila manusia dilihat sebagai suatu struktur yang saling berkaitan. Napitupulu (2020) mengemukakan nafs, ‘aql, qalb, ruh dan fitrah sebagai unsur yang berkaitan dalam psikologi al-Quran. Kerangka ini memperlihatkan bahawa kecenderungan semula jadi manusia tidak boleh difahami secara terpisah daripada dimensi kognitif, psikik dan kerohanian. Sebaliknya, psikologi moden lazimnya menguraikan pengalaman manusia melalui konstruk yang lebih khusus seperti kognisi, emosi, motivasi dan tingkah laku.

Dengan itu, sumbangan psikologi moden terletak pada keupayaannya memperincikan proses dan manifestasi psikologi, sedangkan kerangka fitrah memberikan asas yang menghubungkan proses tersebut dengan struktur dan orientasi manusia yang lebih menyeluruh.

Kajian interdisiplin semasa turut memperlihatkan usaha menghubungkan kedua-dua tahap pemahaman ini. Baehaqi dan Fahmi (2025), misalnya, menghubungkan *nafs* dengan psikologi moden dan membincangkan muhasabah serta zikir dalam konteks kesejahteraan psikologi, manakala Sarnoto (2026) menghubungkan fitrah dengan teori perkembangan melalui model *Fitrah-Centered Development* (FCD). Jika dilihat secara sintesis, kedua-dua usaha tersebut memperlihatkan bahawa konsep Islam semakin digunakan bukan sekadar sebagai istilah alternatif, tetapi sebagai kerangka untuk membaca perkembangan manusia. Namun, pendekatan yang berbeza tersebut masih meninggalkan satu persoalan yang belum diselesaikan sepenuhnya, iaitu bagaimana fitrah ditempatkan secara konseptual dalam hubungan antara nafs, qalb, 'aql dan ruh, serta bagaimana hubungan tersebut dapat dibaca bersama penjelasan psikologi moden tanpa mengurangkan fitrah kepada konstruk psikologi tertentu.

Justeru, batas utama psikologi moden dalam perbincangan fitrah bukanlah ketidakupayaannya menjelaskan manusia, tetapi skop penjelasannya yang berbeza**.** Psikologi moden memberikan konsep dan mekanisme untuk memahami pelbagai aspek perkembangan manusia, sedangkan kerangka fitrah memberikan asas untuk memahami mengapa manusia memiliki kecenderungan tersebut dan bagaimana ia berkaitan dengan keseluruhan struktur kewujudan manusia. Sintesis ini mencadangkan bahawa hubungan antara kedua-duanya lebih produktif jika dibina secara komplementari, iaitu suatu kerangka integratif yang mengekalkan asas ontologikal fitrah dalam Islam sambil memanfaatkan sumbangan psikologi moden untuk memperincikan proses perkembangan dan manifestasi psikologi manusia.

https://doi.org/10.24191/e77zsq24 ©Authors, 2026

2.4 Jurang Kajian dan Justifikasi Peninjauan Semula

Literatur sedia ada mencerminkan bahawa perbincangan tentang fitrah masih banyak bersifat konseptual dan berasaskan kajian perpustakaan. Walaupun kajian seperti Septemiarti (2023), Baehaqi dan Fahmi (2025) serta Sarnoto (2026) telah menghubungkan fitrah dengan pendidikan, kerohanian dan psikologi moden, hubungan tersebut masih belum diuji atau dihuraikan secara menyeluruh.

Apabila literatur tafsir, falsafah dan psikologi dibandingkan, dapat dilihat bahawa setiap disiplin memberikan penjelasan yang berbeza. Tafsir menjelaskan asas Quranik dan hubungan fitrah dengan tauhid, falsafah menjelaskan hakikat dan tujuan manusia, manakala psikologi membincangkan perkembangan serta struktur dalaman manusia. Namun, ketiga-tiga pendekatan ini masih belum disintesiskan untuk menjelaskan hubungan fitrah dengan *qalb*, *'aql*, *nafs* dan *ruh* dalam satu kerangka yang bersepadu.

Justeru, jurang utama kajian bukanlah ketiadaan perbincangan tentang fitrah, tetapi kekurangan sintesis antara dimensi teologi, falsafah dan psikologi. Kajian ini melakukan peninjauan semula secara konseptual bagi menghubungkan ketiga-tiga dimensi tersebut dan menjelaskan kedudukan serta fungsi fitrah dalam struktur manusia. Sumbangan kajian adalah pada pembentukan kerangka teoritikal yang lebih bersepadu, bukan pengujian empirikal atau klinikal.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis kepustakaan untuk meneliti dan mensintesis konsep fitrah dalam al-Quran, tafsir, falsafah dan psikologi Islam serta perbandingannya dengan perbincangan *human nature* dalam falsafah dan psikologi Barat. Reka bentuk ini dipilih kerana kajian bertujuan membina kerangka konseptual yang menghubungkan fitrah dengan struktur dalaman manusia, khususnya *qalb, nafs, ‘aql* dan *ruh*. Dapatan kajian merupakan sintesis literatur dan bukan penemuan empirikal atau pengujian model.

Sumber primer terdiri daripada lima karya utama, iaitu Jami' al-Bayan al-Tabari, Tafsir al-Qur'an al-'Azim Ibn Kathir, Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an al-Qurtubi, Al-Tahrir wa al-Tanwir Ibn 'Ashur dan Ihya' 'Ulum al-Din al-Ghazali. Karya tersebut dipilih secara bertujuan berdasarkan kesesuaiannya dengan fokus tafsir, hakikat manusia dan dimensi kerohanian. Bagi mengukuhkan asas perbandingan falsafah dan psikologi Barat, kajian turut merujuk terus kepada tiga karya asal, iaitu *Prolegomena to the Metaphysics of Islam oleh Al-Attas* (1995), *Motivation and Personality* oleh Maslow (1954) dan *Man's Search for Meaning* oleh Frankl (1959), sebagai sokongan tambahan kepada sumber sekunder yang membincangkan pemikiran tokoh-tokoh tersebut. Sumber sekunder terdiri daripada 25 artikel jurnal yang diperoleh melalui Google Scholar, Scopus dan Web of Science, manakala ResearchGate digunakan untuk mendapatkan teks penuh apabila diperlukan.

Carian menggunakan kata kunci berkaitan *fitrah*, al-Quran, *Islamic psychology*, *qalb, nafs, ‘aql, ruh*, *Islamic philosophy*, *human nature* serta fitrah dalam falsafah dan psikologi Barat. Pemilihan sumber sekunder menggunakan *purposive sampling* berdasarkan empat kriteria inklusi: artikel jurnal semakan sejawat, diterbitkan antara 2015–2026, relevan dengan fokus kajian dan mempunyai sumbangan konseptual kepada objektif kajian.

https://doi.org/10.24191/e77zsq24 ©Authors, 2026

Sumber yang hanya menyebut fitrah secara sepintas lalu, bukan sumber akademik, berulang, tidak relevan atau tidak dapat diteliti secara mencukupi dikecualikan. *Screening* dilakukan secara manual melalui tajuk, abstrak dan teks penuh. Kelima-lima ahli penyelidik menilai keseluruhan artikel sebelum 25 artikel dimuktamadkan berdasarkan relevansi dan kekayaan konseptual.

Analisis data dilakukan secara tematik melalui pembacaan berulang, *extraction* data, *manual coding*, pengelompokan kategori dan pembentukan tema. Idea, hujah dan unit makna yang relevan dikenal pasti serta direkodkan daripada sumber. Data kemudiannya diberikan kod awal berdasarkan konsep atau pola yang muncul. Kod yang mempunyai persamaan dibandingkan dan dikelompokkan kepada kategori, sebelum kategori disintesis menjadi tema yang mewakili pola konseptual merentas sumber. Proses ini bersifat literatif dengan semakan semula terhadap teks asal bagi memastikan tafsiran kekal berasaskan data literatur. Rantaian analisis tersebut didokumentasikan melalui audit trail bagi memastikan hubungan antara data asal, kod awal, kategori dan tema dapat ditelusuri.

Jadual 3 memberikan contoh audit trail daripada enam artikel terpilih sebagai ilustrasi proses; rekod penuh bagi kesemua 25 artikel dilaksanakan mengikut prosedur yang sama dan disimpan berasingan untuk tujuan semakan. Tema dibentuk secara emergen daripada pola yang dikenal pasti dalam sumber, bukan ditetapkan sepenuhnya secara apriori.

Jadual 3. Contoh audit trail analisis

Artikel	Idea asal	Kod awal	Kategori	Tema
Al-Munzir & Ismail (2025)	Fitrah berkait dengan tauhid	Orientasi tauhid	Hubungan fitrah dengan tauhid	Tauhid
Arif (2023)	'Aql fitri mengenali sebahagian kebenaran	'Aql fitri	Asas pengetahuan fitrah	Tauhid
Jou (2022)	Makna hidup berhubungan dengan Allah	Makna hidup ketuhanan	Makna hidup dan hubungan ketuhanan	Makna
Baehaqi & Fahmi (2025)	Amalan kerohanian menyokong kesejahteraan	Amalan kerohanian	Pengembangan potensi	Potensi
Sarnoto (2026)	Fitrah dibandingkan dengan teori perkembangan	Arah perkembangan fitrah	Arah perkembangan potensi	Potensi

Sumber: Analisis penulis

https://doi.org/10.24191/e77zsq24 ©Authors, 2026

Bagi meningkatkan keteguhan interpretasi, source triangulation dilakukan melalui perbandingan sumber klasik dan literatur kontemporari. Kelima-lima penyelidik menyemak kod, kategori dan tema secara silang, dan hasil analisis dimuktamadkan melalui perbincangan serta consensus. Kerangka *qalb, nafs, 'aql* dan *ruh* kemudiannya dibentuk secara emergen sebagai mekanisme konseptual yang mengintegrasikan fitrah dengan wahyu, akal dan pengalaman.

Mekanisme ini merupakan cadangan konseptual, bukan mekanisme psikologi yang diuji secara empirikal atau dakwaan sebab-akibat.

4. ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Perbandingan Struktur: Tauhid, Potensi dan Makna

Sintesis tematik terhadap 25 artikel mengenal pasti tiga dimensi utama yang membentuk struktur konseptual fitrah, iaitu tauhid**,** potensi dan makna. Ketiga-tiga dimensi ini tidak berdiri secara terpisah, sebaliknya membentuk suatu hubungan yang menjelaskan bahawa manusia bukan sahaja memiliki kecenderungan semula jadi, tetapi juga mempunyai arah perkembangan dan tujuan kewujudan yang saling berkaitan. Dalam kerangka ini, tauhid memberikan orientasi, potensi menyediakan kapasiti untuk berkembang, manakala makna menjelaskan tujuan yang menjadikan perkembangan tersebut bernilai.

Pertama**,** dimensi tauhid muncul sebagai ciri yang paling membezakan konsep fitrah daripada konsep potensi manusia yang bersifat umum. Literatur yang dianalisis mencadangkan bahawa kecenderungan semula jadi manusia dalam kerangka Islam tidak difahami sebagai kapasiti neutral, tetapi mempunyai orientasi asas kepada hubungan dengan Allah (Arif, 2023; Al Afify, 2018). Asas ini selari dengan Surah al-A'raf 7:172:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِن بَنِىٓ ءَادَمَ مِن ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ ۖ قَالُوا۟ بَلَىٰ ۛ شَهِدْنَآ ۛ أَن تَقُولُوا۟ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَٰذَا غَٰفِلِينَ

Maksudnya: "*Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam daripada tulang belakang mereka, dan Dia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (seraya berfirman): 'Bukankah Aku ini Tuhan kamu?' Mereka menjawab: 'Benar, kami menjadi saksi.*" (Surah Al-A'raf 7:172)

Dapatan ini mencadangkan bahawa potensi dalam fitrah sejak awalnya berorientasikan ketuhanan. Dengan demikian, tauhid bukan sekadar salah satu unsur dalam fitrah, tetapi berfungsi sebagai prinsip pengarahan yang menentukan bagaimana potensi manusia seharusnya dikembangkan.

Kedua, dimensi potensi menunjukkan titik persamaan paling jelas antara fitrah, Aristotle dan Maslow. Ketiga-tiga kerangka mengandaikan bahawa manusia mempunyai kapasiti atau kecenderungan semula jadi yang dapat berkembang, tetapi berbeza dari segi arah dan tujuan perkembangannya. Dalam kerangka fitrah, perkembangan potensi berkaitan dengan pengabdian kepada Allah dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah; Aristotle menghubungkannya dengan pembentukan fadilah dan pencapaian *eudaimonia*, manakala Maslow menekankan pertumbuhan dan pemenuhan diri (Mawaddah et al., 2024). Perbezaan ini mencadangkan bahawa persamaan pada struktur potensi tidak semestinya menghasilkan kesamaan pada konsep manusia, kerana arah perkembangan ditentukan oleh andaian epistemologi dan teleologi yang berbeza.

https://doi.org/10.24191/e77zsq24 ©Authors, 2026

Ketiga**,** dimensi makna memperlihatkan bahawa persoalan fitrah turut berkaitan dengan keperluan manusia untuk memahami tujuan kewujudannya. Terdapat titik persilangan dengan logoterapi Frankl pada tahap fenomenologi, khususnya dalam pengiktirafan bahawa pencarian makna mempunyai hubungan dengan kesejahteraan manusia. Namun, dapatan kajian tidak memberikan asas untuk menyamakan pencarian makna Frankl dengan kerinduan kepada Allah. Dalam fitrah, makna hidup diletakkan dalam hubungan dengan Allah (Jou, 2022; Mohd Shahran, 2022), sedangkan logoterapi tidak menetapkan sumber makna kepada ketuhanan tertentu. Oleh itu, persamaan tersebut lebih tepat difahami sebagai persilangan konseptual**,** bukan kesetaraan teori.

Dalam interpretasi penulis, struktur ini menerangkan mengapa fitrah tidak boleh disamakan sepenuhnya dengan teori potensi manusia Barat walaupun terdapat persamaan pada tahap tertentu. Persamaan tersebut mungkin mencerminkan pengalaman manusia yang bersifat sejagat, seperti kesedaran terhadap ketidakcukupan diri (Huong et al., 2025), kemungkinan kewujudan *'aql fitri* yang membolehkan manusia mengenali sebahagian kebenaran (Arif, 2023), atau persamaan pada tahap ontologi tetapi perbezaan pada tahap epistemologi (Jou, 2022). Namun, ketiga-tiga kemungkinan ini ialah interpretasi konseptual, bukan dapatan empirikal yang telah dibuktikan.

4.2 Titik Pisah: Mengapa Fitrah Tidak Boleh disamakan dengan Teori Barat

Dapatan mencadangkan bahawa fitrah mempunyai persilangan dengan beberapa teori Barat, khususnya dalam pengiktirafan terhadap potensi dalaman, perkembangan manusia dan pencarian makna. Namun, persamaan tersebut tidak bermaksud kedua-duanya mempunyai asas yang sama.

Perbandingan tersebut diringkaskan dalam Jadual 4 melalui cara manusia difahami, sumber pengetahuan yang digunakan dan tujuan akhir kehidupan.

Jadual 4. Perbandingan Fitrah dengan Teori Barat Mengikut Dimensi Ontologi, Epistemologi dan Teleologi

Kerangka	Ontologi: Bagaimana manusia dilihat	Epistemologi: Dari mana pengetahuan diperoleh	Teleologi: Apakah tujuan hidup manusia
Fitrah (Islam)	Manusia diciptakan dengan kecenderungan kepada tauhid, kebenaran dan kebaikan serta mempunyai hubungan dengan Allah (Al-Afify, 2018; Amrona et al., 2023; Al-Ghofiqi, 2025; Arif, 2023; Al-Munzir & Ismail, 2025).	Wahyu menjadi sumber utama, manakala akal, hati dan pengalaman membantu manusia memahami dan mengamalkan pengetahuan (Risallah & Denisova, 2019; Waharjani et al., 2024; Mawaddah et al., 2024).	Hidup bertujuan mengabdikan diri kepada Allah dan menjaga fitrah sesuai dengan kehendak-Nya (Al-Ghofiqi, 2025; Waharjani et al., 2024; Wani, 2017; Harmidi et al., 2024).
Aristotle	Manusia dilihat sebagai makhluk yang mempunyai akal dan dapat membentuk diri melalui pembinaan watak serta amalan kebajikan (Altuner & Özkan, 2024; Huong et al., 2025).	Pengetahuan diperoleh melalui akal, pengalaman dan pemerhatian terhadap kehidupan (Altuner & Özkan, 2024; Huong et al., 2025).	Kehidupan yang baik dicapai melalui penggunaan akal dan amalan kebajikan (eudaimonia) (Altuner & Özkan, 2024; Huong et al., 2025).

https://doi.org/10.24191/e77zsq24 ©Authors, 2026

Maslow	Manusia mempunyai keperluan dan potensi dalaman yang berkembang daripada keperluan asas kepada perkembangan diri (Mawaddah et al., 2024; Sarnoto, 2026).	Pengetahuan tentang perkembangan manusia diperoleh melalui pengalaman dan pemerhatian terhadap perkembangan psikologi individu (Mawaddah et al., 2024; Sarnoto, 2026).	Manusia berusaha memenuhi keperluan dan mencapai perkembangan diri yang optimum (Mawaddah et al., 2024; Sarnoto, 2026).
Frankl	Manusia mempunyai keupayaan mencari makna hidup dan membuat pilihan dalam menghadapi kehidupan (Mawaddah et al., 2024; Baehaqi & Fahmi, 2025).	Makna hidup difahami melalui pengalaman, kesedaran, nilai dan pilihan individu (Mawaddah et al., 2024; Baehaqi & Fahmi, 2025).	Tujuan hidup dikaitkan dengan usaha mencari dan menemui makna melalui pengalaman serta pilihan hidup (Mawaddah et al., 2024; Baehaqi & Fahmi, 2025).
Skinner	Tingkah laku manusia banyak dibentuk oleh persekitaran dan pengalaman pembelajaran (Hanief et al., 2023; Mawaddah et al., 2024).	Pengetahuan tentang tingkah laku diperoleh melalui pemerhatian dan kajian terhadap hubungan antara persekitaran dengan tingkah laku (Mawaddah et al., 2024; Baehaqi & Fahmi, 2025).	Tingkah laku dibentuk dan diubah melalui pembelajaran serta pengukuhan, tanpa menetapkan tujuan akhir kehidupan manusia (Hanief et al., 2023; Mawaddah et al., 2024).

Sumber: Literatur

Jadual 4 mencadangkan bahawa titik pisah utama antara fitrah dan teori Barat bukanlah pada pengiktirafan terhadap potensi, perkembangan atau pencarian makna manusia, tetapi pada cara manusia difahami, sumber pengetahuan yang digunakan dan tujuan akhir kehidupannya. Kesemua pendekatan Barat ini memberikan pemahaman terhadap aspek tertentu manusia, tetapi tidak membentuk kerangka yang sama dengan konsep fitrah.

Menyamakan fitrah dengan mana-mana teori Barat berisiko menghilangkan hubungan antara sifat asal manusia, petunjuk wahyu dan tujuan kewujudannya. Dengan demikian, persamaan antara fitrah dan teori Barat lebih tepat dilihat pada tahap fenomena, manakala perbezaannya terletak pada asas ontologi, sumber pengetahuan dan arah kehidupan manusia (Harmidi et al., 2024).

https://doi.org/10.24191/e77zsq24 ©Authors, 2026


4.3 Fitrah sebagai Kerangka Integratif

Sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 3, tema tauhid terbentuk daripada kod seperti orientasi tauhid dan 'aql fitri, tema makna daripada kod makna hidup ketuhanan, manakala tema potensi daripada kod amalan kerohanian dan arah perkembangan fitrah. Tema fitrah sebagai kerangka integratif pula terbentuk daripada kod struktur dalaman berkait, yang menjadi asas kepada penyusunan qalb, nafs, 'aql dan ruh sebagai lensa teoritikal berikut. Berdasarkan pola tersebut, kajian ini mencadangkan fitrah sebagai kerangka integratif yang menghubungkan orientasi tauhid, perkembangan potensi dan pembentukan makna dengan empat struktur dalaman, iaitu qalb, nafs, 'aql dan ruh.

Empat struktur dalaman tersebut tidak dianggap sebagai empat tema yang muncul secara induktif dan seragam daripada keseluruhan dua puluh lima artikel. Sebaliknya, ia digunakan sebagai lensa teoritikal untuk menyusun dan mentafsir pola tauhid, potensi dan makna yang dikenal pasti melalui sintesis tematik. Asas struktur ini merujuk kepada perbincangan psikologi al-Quran oleh Napitupulu (2020), manakala hubungan dengan tiga dimensi fitrah dibentuk melalui sintesis dapatan kajian. Oleh itu, kerangka yang dicadangkan merupakan hasil gabungan antara dapatan tematik dan interpretasi teoritikal**,** bukan pengekodan langsung yang menghasilkan empat struktur tersebut sebagai tema baharu.

Hubungan antara komponen ini dapat dirumuskan melalui model konseptual berikut :

Rajah 4. Kerangka Integratif Fitrah Berdasarkan Sintesis Tematik Kajian



Sumber: Penulis

https://doi.org/10.24191/e77zsq24 ©Authors, 2026

Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4, *wahyu* menyediakan orientasi asas kepada dimensi tauhid, manakala struktur dalaman manusia menjadi ruang yang menghubungkan orientasi tersebut dengan perkembangan dan pengalaman manusia. *Ruh* mewakili dimensi kerohanian, *qalb* berkaitan dengan penghayatan dan orientasi moral, manakala '*aql* berperanan dalam memahami, menilai dan membuat pertimbangan. Ketiga-tiga struktur tersebut mempunyai hubungan dengan *nafs*, yang membawa dorongan dan kehendak manusia serta menjadi ruang penting bagi manifestasi potensi. Dengan itu, hubungan antara struktur dalaman bukan bersifat linear, tetapi saling melengkapi dalam mengarahkan bagaimana potensi manusia diterjemahkan dalam kehidupan.

Hubungan ini menerangkan bagaimana tiga dimensi fitrah saling berinteraksi. *Tauhid* menyediakan arah dan asas nilai; potensi menyediakan keupayaan untuk bertindak dan berkembang; manakala *makna* menghubungkan arah dan keupayaan tersebut dengan tujuan serta pengalaman kehidupan. Dalam kerangka ini, potensi tidak dianggap neutral sepenuhnya kerana penggunaannya dipengaruhi oleh orientasi tauhid dan pengawalan struktur dalaman. Begitu juga, pencarian makna tidak diletakkan sebagai pengalaman psikologi yang terpisah daripada dimensi kerohanian, tetapi difahami dalam hubungan dengan tujuan dan orientasi kehidupan yang berasaskan fitrah.

Hubungan tersebut turut memberikan asas konseptual untuk memahami identiti, moral dan kesejahteraan psikologi**.** Identiti terbentuk melalui proses menghubungkan orientasi tauhid, potensi diri dan makna pengalaman; dimensi moral pula berkaitan dengan keupayaan struktur dalaman mengarahkan dorongan dan tindakan selaras dengan nilai; manakala kesejahteraan psikologi dapat difahami sebagai keadaan yang lebih selaras antara arah kehidupan, potensi yang dimiliki dan makna yang dihayati. Pengalaman manusia menjadi ruang tempat hubungan tersebut dimanifestasikan dan dinilai semula. Hubungan antara fitrah, pendidikan, kerohanian, perkembangan diri dan makna ini selari dengan perbincangan Sarnoto (2026) serta Baehaqi dan Fahmi (2025).

Hubungan antara struktur dalaman dan keadaan fitrah turut dapat dijelaskan melalui firman Allah SWT:

كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَىٰ قُلُوبِهِم مَّا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Maksudnya**:** "*Sekali-kali tidak (sebagaimana yang mereka sangka itu), bahkan apa yang telah mereka usahakan itu telah menutup hati mereka*." (Surah Al-Mutaffifin 83:14).

Ibnu Kathir (2000) mentafsirkan *ran* sebagai keadaan hati yang diliputi karat akibat perbuatan manusia. Dalam konteks kerangka ini, tafsiran tersebut memberikan asas untuk memahami bahawa penyimpangan manusia tidak semestinya bermaksud hakikat fitrah telah musnah, tetapi manifestasinya boleh terhalang atau tertutup. Tafsiran ini digunakan sebagai asas interpretatif, bukan sebagai dakwaan bahawa ayat tersebut secara langsung menerangkan mekanisme qalb, nafs, 'aql dan ruh dalam bentuk model yang dicadangkan.

Pada tahap epistemologi, kerangka ini seterusnya meletakkan wahyu, 'aql dan pengalaman dalam hubungan yang saling melengkapi. Wahyu menyediakan orientasi dan sumber rujukan asasi; 'aql berfungsi memahami, menilai dan menghubungkan pengetahuan dengan keadaan manusia; manakala pengalaman menjadi ruang tempat nilai, potensi dan makna dihayati serta diterjemahkan dalam kehidupan (Sarnoto, 2026; Baehaqi & Fahmi, 2025).

https://doi.org/10.24191/e77zsq24 ©Authors, 2026

Fitrah dalam kerangka ini berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan ketiga-tiganya tanpa menyamakan kedudukannya: fitrah bukan wahyu, pengalaman bukan pengganti wahyu, dan ‘aql tidak berdiri terpisah daripada orientasi wahyu.

Persilangan dengan Maslow dan Frankl pula dapat dikenal pasti perbezaannya pada tahap pengalaman manusia, perkembangan potensi dan pencarian makna, tetapi tidak pada asas tauhid.

Secara keseluruhan, sumbangan utama kerangka ini bukan pada penemuan bahawa fitrah berkaitan dengan kehidupan manusia, tetapi pada sintesis tauhid, potensi, makna, qalb, nafs, 'aql, ruh serta hubungan wahyu, 'aql dan pengalaman ke dalam satu kerangka konseptual yang koheren, yang masih merupakan sintesis konseptual dan belum merupakan model empirikal yang divalidasi.

4.4 Rumusan Dapatan Kajian

Sintesis terhadap dapatan dalam Bahagian 4.1–4.3 mencadangkan bahawa konsep fitrah dapat difahami melalui tiga dimensi yang saling berkaitan, iaitu tauhid, potensi dan makna, yang seterusnya beroperasi melalui empat struktur dalaman, iaitu qalb, nafs, 'aql dan ruh. Hubungan ini mencadangkan bahawa fitrah bukan sekadar sifat asal manusia, tetapi kerangka integratif yang menghubungkan orientasi ketuhanan, potensi manusia, pencarian makna dan struktur dalaman dalam menjelaskan identiti, moraliti dan kesejahteraan psikologi manusia pada zaman kini. Walau bagaimanapun, rumusan ini kekal sebagai dapatan konseptual hasil sintesis literatur, bukan bukti empirikal tentang hubungan sebab-akibat atau keberkesanan kerangka tersebut.

5. IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini mempunyai implikasi terhadap pemahaman teoretikal dan aplikasi konseptual fitrah dalam beberapa bidang. Berdasarkan sintesis literatur, fitrah dicadangkan sebagai kerangka yang menghubungkan dimensi tauhid, potensi dan makna dalam memahami manusia bukan hanya dari sudut fungsi psikologi atau perkembangan potensi, tetapi turut mengambil kira hubungan dengan wahyu, orientasi ketuhanan dan pencarian makna. Oleh itu, dari sudut teori, kajian ini berpotensi menyumbang kepada pengembangan wacana antropologi Islam dan psikologi Islam dengan menyediakan kerangka integratif yang menghubungkan sumber wahyu dengan perbincangan tentang pengalaman dan perkembangan manusia.

Walau bagaimanapun, kerangka tersebut masih berada pada tahap konseptual dan belum boleh dianggap sebagai model antropologi atau psikologi yang telah disahkan secara empirikal.

Dari sudut pendidikan, kerangka fitrah memberi implikasi bahawa perkembangan manusia wajar difahami melalui hubungan antara potensi dalaman dengan persekitaran yang mempengaruhinya. Dapatan ini boleh menjadi asas pertimbangan kepada pendidik, keluarga dan institusi pendidikan dalam merangka pendekatan yang tidak mengehadkan perkembangan pelajar kepada pencapaian intelektual semata-mata, tetapi turut memberi ruang kepada pembentukan moral, emosi dan spiritual (Triwidiyastuti & Siregar, 2019). Dalam konteks ini, persekitaran pendidikan dapat dilihat sebagai ruang yang menyokong pengungkapan dan perkembangan potensi manusia, bukan sebagai satu-satunya penentu pembentukan fitrah. Cadangan ini kekal bersifat konseptual dan memerlukan penelitian empirikal lanjut.

https://doi.org/10.24191/e77zsq24 ©Authors, 2026

Dari sudut psikologi Islam, kerangka yang dicadangkan memberikan asas untuk mempertimbangkan kesejahteraan manusia melalui keselarasan antara dimensi dalaman, pemikiran, emosi, tingkah laku dan orientasi spiritual.

Implikasinya, perbincangan tentang kesejahteraan psikologi boleh diperluas daripada tumpuan terhadap simptom kepada persoalan yang berkaitan dengan makna, nilai dan hubungan manusia dengan Tuhan. Pendekatan seperti muhasabah dan zikir, yang telah dibincangkan dalam literatur, boleh dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada wacana intervensi psikologi Islam.

Dalam konteks sosial dan pembangunan modal insan, kerangka fitrah turut membuka ruang untuk menilai pengaruh persekitaran kontemporari, seperti media sosial dan globalisasi, terhadap pengungkapan nilai, dorongan dan identiti manusia, sekali gus memperluas pemahaman kesejahteraan dengan memasukkan dimensi kerohanian bersama dimensi psikologi dan sosial (Firdaus et al., 2025). Walau bagaimanapun, hubungan ini masih berupa cadangan konseptual yang memerlukan penyelidikan empirikal lanjut.

6. KESIMPULAN

Sintesis kajian mencadangkan bahawa fitrah lebih tepat difahami bukan sebagai keadaan asal manusia yang statik, sebaliknya sebagai kerangka dinamik yang berkaitan dengan kecenderungan, potensi dan orientasi manusia. Perkembangan fitrah turut dipengaruhi oleh hubungan antara keupayaan dalaman individu dengan faktor persekitaran seperti keluarga, pendidikan dan budaya.

Secara konseptual, sintesis kajian mengenal pasti tiga dimensi utama fitrah, iaitu tauhid, potensi dan makna. Tauhid memberikan orientasi ketuhanan sebagai asas kepada kewujudan manusia, potensi merujuk kepada keupayaan manusia untuk berkembang dan membentuk diri, manakala makna menjelaskan keperluan manusia menghubungkan kehidupan dengan tujuan dan nilai yang lebih tinggi.

Kerangka tersebut seterusnya dihubungkan dengan empat struktur integratif**,** iaitu *qalb, nafs, 'aql* dan *ruh***,** yang berfungsi sebagai dimensi dalaman manusia dalam memahami hubungan antara orientasi ketuhanan, perkembangan diri dan pencarian makna. Integrasi ini merupakan sumbangan konseptual utama kajian kerana ia menawarkan cara memahami fitrah yang menghubungkan aspek kerohanian, psikologi dan intelektual dalam satu kerangka, berbanding melihatnya secara terpisah atau hanya melalui kategori teori Barat.

Walau bagaimanapun, sumbangan kajian ini terbatas pada tahap konseptual. Kerangka yang dicadangkan belum melalui pengujian empirikal, termasuk pengujian kesahan konstruk, hubungan antara dimensinya atau keberkesanan aplikasinya. Oleh itu, kerangka ini tidak boleh dianggap sebagai model yang telah disahkan secara empirikal.

Kajian masa hadapan perlu menguji kerangka ini secara sistematik melalui tiga hala tuju utama. Pertama, pembangunan instrumen pengukuran psikometrik atau indeks kesejahteraan berasaskan fitrah bagi menterjemahkan dimensi *qalb, nafs, 'aql* dan *ruh* ke dalam bentuk indikator empirikal. Kedua, pembangunan dan penilaian modul kaunseling atau psikoterapi klinikal berasaskan acuan fitrah. Ketiga, kajian kualitatif melalui temu bual bersama peserta atau panel pakar bagi mengesahkan kebolehgunaan kerangka ini dalam menangani krisis identiti dan kesejahteraan psikologi kontemporari.

https://doi.org/10.24191/e77zsq24 ©Authors, 2026

Kerangka integratif yang dicadangkan tidak bertujuan menggantikan teori-teori sedia ada, tetapi menawarkan satu sudut pandang alternatif yang memperluas ruang pemahaman tentang fitrah manusia dengan menghubungkan dimensi wahyu, falsafah dan psikologi dalam satu kerangka konseptual.

Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang satu asas konseptual yang mengintegrasikan tauhid, potensi dan makna melalui struktur *qalb, nafs, 'aql* dan *ruh*, sekali gus memperluas pemahaman tentang fitrah sebagai kerangka menyeluruh untuk memahami hakikat dan perkembangan insan.

RUJUKAN

Al-Bukhari, M. I. (n.d.). *Sahih al-Bukhari*. Sunnah.com. https://sunnah.com/bukhari:1385

Al-Quran al-Karim

Al-Afify, M. F. (2018). Konsep fitrah dalam psikologi Islam. *Tsaqafah: Jurnal Peradaban Islam, 14*(2), 279–298.

Al-Attas, S. M. N. (1995). *Prolegomena to the metaphysics of Islam: An exposition of the fundamental elements of the worldview of Islam*. International Institute of Islamic Thought and Civilization.

Al-Ghofiqi, M. I. M. (2025). Fitrah manusia dan potensinya: Tinjauan filosofis dan teori. *Al-Mu'allim: Journal of Islamic Education, 4*(1), 12–20.

Al-Ghazali, M. M. (2019). *Ihya' 'ulum al-din* (Vol. 1). Dar al-Minhaj.

Al-Munzir, A. M., & Ismail, N. (2025). Konsep fitrah dalam Al-Qur'an: Perspektif mufassir dan relevansinya terhadap wacana kontemporer. *QURANICUM: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir, 2*(1), 111–132. https://doi.org/10.22373/quranicum.v2i1.6055

Al-Qurtubi, M. A. (2006). *Al-jami' li ahkam al-Qur'an*. Mu'assasat al-Risalah.

Al-Tabari, M. I. J. (1994). *Jami' al-bayan 'an ta'wil ay al-Qur'an*. Mu'assasat al-Risalah.

Altuner, İ., & Özkan, F. (2024). Human nature and virtue in Plato and Aristotle. *Entelekya Logico-Metaphysical Review, 8*(2), 1–22. https://doi.org/10.5281/zenodo.14676831

Amrona, Y. L., Anggraheni, U. S., Nurhuda, A., Al Fajri, M., & Aziz, T. (2023). Human nature in the perspective of Islamic philosophy. *LISAN AL-HAL: Jurnal Pengembangan Pemikiran dan Kebudayaan, 17*(2), 204–216. https://doi.org/10.35316/lisanalhal.v17i2.204-216

Arif, S. (2023). Rethinking the concept of fiṭra: Natural disposition, reason and conscience. *American Journal of Islam and Society, 40*(3–4), 77–103. https://doi.org/10.35632/ajis.v40i3-4.3189

Arroisi, J., Jamal, J., & Al-Fikry, M. K. (2021). Fitrah according to the Qur'an: Personality analysis of Islamic psychology perspective. *Dialogia: Jurnal Studi Islam dan Sosial, 19*(1), 105–135. https://doi.org/10.21154/dialogia.v19i1.2405

Baehaqi, R., & Fahmi, Y. (2025). Integrating the Qur'an and psychology: A holistic perspective in psychological science. *Tamadduna: Jurnal Peradaban, 2*(2), 134–149. https://doi.org/10.29313/tamadduna.v2i2.8457

Bhat, A. M. (2016). Human psychology (fitrah) from Islamic perspective. *International Journal of Nusantara Islam, 4*(2), 61–74. https://doi.org/10.15575/ijni.v4i2.1187

Firdaus, A. A., Alawi, A. F., & Vinita, A. W. (2025). Integrasi filsafat pendidikan Islam dan tantangan karakter dalam masyarakat 5.0. *At-Tafakkur: Journal of Islamic Studies, 1*(1), 43–50. https://doi.org/10.63199/attafakkur.v1i1.5

Frankl, V. E. (1959). Man's search for meaning. Beacon Press.

 ©Authors, 2026

Hanief, S. I., Sawaliyah, S. J., & Mahwiyah. (2023). The concept of fitrah and the implications of Islamic education. *Amandemen: Journal of Learning, Teaching and Educational Studies, 1*(1), 1–6. https://doi.org/10.61166/amd.v1i1.1

Harmidi, M. H. R. P., Tengku Kasim, T. S. A. B. T., & Yussuf, A. B. (2024). The value of fitrah and its relationship with education. *Al-Afkar: Journal for Islamic Studies, 7*(3), 664–678. https://doi.org/10.31943/afkarjournal.v7i3.1192

Huong, N. T. T., Van Hanh, N. T., & Hoan, N. M. (2025). Human nature in ancient philosophy and its influence on modern philosophy. *Kalagatos: Revista de Filosofia, 22*(1), 1–12.

Ibn 'Ashur, M. T. (1984). *Al-tahrir wa al-tanwir*. Al-Dar al-Tunisiyyah lil-Nashr.

Ibn Kathir, I. U. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'azim*. Dar Ibn Hazm.

Jou, D. (2022). Ibn Taymiyya on human nature and belief in God: Using the cognitive science of religion to study the fiṭra. *Religions, 13*(10), Article 951. https://doi.org/10.3390/rel13100951

Maslow, A. H. (1954). *Motivation and personality*. Harper & Row.

Mawaddah, A. W., Shofiah, V., & Rajab, K. (2024). Kajian psikologi Islam: Integrasi pendekatan falsafi dan psikologi modern. *Nathiqiyyah, 7*(2), 171–182. https://doi.org/10.46781/nathiqiyyah.v7i2.1294

Mohd Shahran, M. F. (2022). Primordial covenant as the basis of religion: The Qur'ānic mīthāq of alastu according to Syed Muhammad Naquib Al-Attas. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World, 15*(1), 1–22. https://doi.org/10.56389/tafhim.vol15no1.1

Napitupulu, D. S. (2020). Elemen-elemen psikologi dalam Alquran: Studi tentang nafs, 'aql, qalb, ruh, dan fitrah. *Psikoislamedia: Jurnal Psikologi, 4*(1), 57–71.

Purnama, S., 'Aziz, H., Nurhusna, L., & Ulfah, M. (2020). The concept of fitrah for children in Ibn Katsir's Qur'an exegesis: A pedagogical implication in early childhood Islamic education. *Jurnal Pendidikan Islam, 9*(1), 79–104. https://doi.org/10.14421/jpi.2020.91.79-104

Risallah, F., & Denisova, T. (2019). Syed Muhammad Naquib Al-Attas on human origin. *Tsaqafah, 15*(2), 345–362.

Ruslan, R., & Latif, A. S. (2025). The meaning of the term fitrah in the Quran: A concept of Islamic education. *Al-Musannif, 7*(1), 27–46.

Sarnoto, A. Z. (2026). The concept of fithrah in Islamic psychology: An interdisciplinary perspective between the Qur'an and developmental psychology theory. *International Journal of Economics Management and Social Science, 9*(2), 295–309.

Septemiarti, I. (2023). Konsep fitrah dalam perspektif Al-Qur'an dan pendidikan Islam. *EDUKASIA: Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran, 4*(2), 1381–1390. https://doi.org/10.62775/edukasia.v4i2.446

Triwidiyastuti, T., & Siregar, M. (2019). The concept of Islamic education development based on the theory of fitrah. *Indonesian Journal of Interdisciplinary Islamic Studies (IJIIS), 2*(1), 31–52. https://doi.org/10.20885/ijiis.vol2.iss1.art2

Waharjani, W., Jailani, M., & Huda, M. (2024). The concept of human fiṭrah in Islamic philosophy of education: A semantic analysis in relation to the Qur'an. *Kanz Philosophia: A Journal for Islamic Philosophy and Mysticism, 10*(1), 95–120. https://doi.org/10.20871/kpjipm.v10i1.307

Wani, G. Q. (2017). Islamic perspectives on human nature: Ibn Ashur's fitrah-based theory of maqasid al-shari'ah. *Islam and Civilisational Renewal, 8*(2), 230–243. https://doi.org/10.52282/ICR.V8I2.197

 ©Authors, 2026